

27 Oktober 2017, Anis Natasha

## KAMI TELAH TIBA DI SK POS BROOKE!

Seramai 11 orang pegawai YBR beserta 13 orang “Community Heroes” yang terdiri daripada pelajar tajaan YBR tiba di SK Pos Brooke pada jam 1.30 petang. Kehadiran YBR telah disambut mesra oleh Guru Besar SK Pos Brooke, Puan Nor Hayati Yusof serta murid sekolah di sini.



## MASA UNTUK ICE-BREAKING!

Aktiviti “Ice-Breaking” atau suai kenal telah dimulakan antara murid SK Pos Brooke seramai 37 pelajar Orang Asli yang menetap di asrama sekolah bersama para “Community Heroes YBR”. Mereka turut beraksi mengikut rentak lagu yang memperkenalkan lagu NURI The Series dan lagu YBR.



## EAT LIKE A CHAMPION & HYGIENE?

“Eat like a champion” serta “Hygiene” merupakan aktiviti berkaitan pemakanan serta kebersihan. “Eat like a champion” adalah aktiviti untuk memberi pendedahan kepada murid Orang Asli terhadap cara pemakanan yang sihat serta tidak sihat supaya mereka menjaga pemakanan. Aktiviti pendedahan berkaitan kebersihan turut diselitkan dengan program “Hygiene” yang memberikan mereka latihan secara praktikal iaitu 7 langkah membersihkan tangan. Aktiviti mereka turut disertai ketua warden sekolah, cikgu Muhammad Siddiq Abdullah tentang keburukan serta kebaikan menjaga kebersihan.



## PELAJAR BERMOTIVASI UNTUK MASA DEPAN

Ceramah oleh Ustaz Arisan Abd Rahman daripada SK Tengku Mohd Fakri Petra dengan tema “Menggapai Sebuah Kejayaan Di Masa Hadapan” telah membakar semangat murid Orang Asli untuk mencapai cita-cita yang diinginkan di masa hadapan. Turut hadir bagi memeriahkan majlis ceramah pada malam ini ialah Penolong Pengurus Cawangan Bank Rakyat Cawangan Gua Musang, Encik Mohd Jufri Abu Bakar.

